Yingluck Sahkan Thaksin Tiada Dalam Senarai Pengampunan
Bernama
22 November , 2011
Oleh Jamaluddin Muhammad

BANGKOK, 22 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Yingluck Shinawatra mengesahkan bahawa abang beliau Thaksin tiada dalam senarai yang dicadangkan kerajaan untuk mendapat pengampunan Raja Thai.

"Ya, nama Thaksin tiada dalam dikri pengampunan yang dicadang dan dikemukakan oleh kerajaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet di sini Selasa.

Beliau sekali lagi menegaskan bahawa kerajaannya tidak mengamalkan dasar bekerja untuk kepentingan orang-orang tertentu.

"Sebagai Perdana Menteri, saya akan bekerja untuk faedah rakyat keseluruhannya. Setiap yang dilakukan kerajaan, mengikut peraturan undang-undang," kata beliau.

Minggu lepas, kerajaan dikecam hebat kerana dikatakan mencadangkan dikri pengampunan yang bertujuan membersihkan Thaksin dan membolehkan beliau menjadi orang bebas.

Cadangan itu dikatakan, antara lain menyebut banduan yang berumur sekurang-kurangnya 60 tahun, dan dihukum penjara tidak kurang dari tiga tahun layak untuk pengampunan.

Thaksin, 62, disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Tertinggi pada 2008 kerana kesalahan rasuah berhubung pembelian sekeping tanah oleh isterinya ketika itu di Ratchadaphisek, di sini dan dihukum penjara dua tahun.

Bekas perdana menteri itu yang digulingkan dalam rampasan kuasa yang tidak menumpahkan darah pada 19 Sept, 2006, meninggalkan negara ini sebelum verdik diputuskan, dan tinggal dalam buangan atas pilihannya sendiri sejak itu.

Dikri yang dicadangkan itu dirahsiakan oleh kerajaan tetapi dibocorkan kepada media tempatan, juga dikatakan akan membebaskan banduan dadah.

Timbalan Perdana Menteri Charlem Yubamrung mempengerusikan mesyuarat kabinet minggu lepas dan meluluskan cadangan itu.

Yingluck tidak hadir di mensyuarat itu kerana beliau dilaporkan "terkandas" di Sing Buri selepas melawat kawasan banjir dan tidak dapat pulang pada sebelah malamnya kerana helikopter yang beliau naiki tidak dilengkapi alat navigasi malam.

Hari ini bila beliau ditanya mengenai dikri itu, beliau setakat berkata, "Saya terlepas menghadiri mesyuarat kabinet itu dan saya tidak tahu apa butiran lanjut. Namun apa jua kami buat, ia akan mengikut peraturan undang-undang".

Beberapa jam kemudian, Menteri Kehakiman Pracha Promnok berkata rang dikri itu akan mempunyai syarat-syarat konvensional dan tidak meliputi banduan dadah dan rasuah atau banduan yang melarikan diri.

Ditanya sama ada kerajaan masih berhasrat membawa balik Thaksin, Yingluck berkata: "Kita tidak akan cuba membawa balik Thaksin".

Tiga bulan lepas, sebelum kerajaan sekarang berkuasa, Parti Pheu Thai pimpinan Yingluck berjanji untuk membawa balik Thaksin, pemimpin de faktonya.

---BERNAMA
Hakcipta © 2011 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=628999